

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI  
Tarikh : 1 Julai 2011

## **PEKELILING BENDAHARI BIL. 09/2011**

Dekan/Pengarah/Ketua/Ketua Projek  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan

### **PANDUAN DAN PENJELASAN PENURUNAN KUASA MENGELUARKAN PESANAN RASMI KEPADA PUSAT-PUSAT TANGGUNGJAWAB.**

#### **1. PENGENALAN**

- 1.1. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk memberi garis panduan dan penjelasan pelaksanaan Pekeling Bendahari Bil. 03/2011: Perubahan Peraturan Dan Kaedah Perolehan Universiti, Panjar Wang Runcit Dan Pembayaran Kepada Pembekal/Kontaktor.
- 1.2. Pekeling ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Pekeling Bendahari Bil. 03/2011.

#### **2. TUJUAN PENURUNAN KUASA**

- 2.1. Penurunan kuasa ini adalah bertujuan supaya proses perolehan universiti dapat dilaksanakan dengan lebih licin, teratur, cepat dan berkesan.
- 2.2. Untuk menyiapkan diri kearah mendapatkan autonomi daripada agensi pusat dan memperkukuhkan pengurusan kewangan di Pusat Tanggungjawab.
- 2.3. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan mengurangkan karenah birokrasi.

#### **3. SUMBER PEMBIAYAAN DAN STATUS UNIVERSITI PENYELIDIKAN**

- 3.1. Selaras dengan status universiti penyelidikan, universiti menerima banyak sumber peruntukan terutamanya peruntukan projek-projek penyelidikan.
- 3.2. Sehubungan dengan itu juga semua sumber pembiayaan termasuk peruntukan projek penyelidikan merupakan tanggungjawab universiti dan Pusat Tanggungjawab.
- 3.3. Peraturan dan tatacara kewangan bagi peruntukan penyelidikan adalah menggunakan peraturan kewangan universiti yang sedia ada.
- 3.4. Dalam konteks pelaksanaan Pekeling Bendahari bil. 3/2011 penurunan kuasa mengeluarkan Pesanan Rasmi diberi kepada PTJ secara keseluruhannya dan

bertanggungjawab kepada semua sumber peruntukan yang dikendalikan oleh PTJ berkenaan termasuk peruntukan penyelidikan.

3.5.PTJ adalah bertanggungjawab menyediakan sumber (kakitangan dan peralatan) bagi memastikan proses kewangan di PTJ dapat berjalan dengan lancar.

3.6.PTJ tidak digalakkan mengasingkan tanggungjawab mengeluarkan pesanan rasmi antara peruntukan mengurus dan peruntukan penyelidikan.

3.7.Penurunan kuasa mengeluarkan pesanan rasmi bukan bermaksud penurunan kuasa peruntukan. Kuasa dan tanggungjawab peruntukan masih terletak kepada ketua projek penyelidikan.

#### **4. DASAR DAN PRINSIP PEROLEHAN KERAJAAN**

4.1. PTJ dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan kerajaan hendaklah berdasarkan amalan tadbir urus terbaik (good governance practices) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan universiti seperti berikut:

**a) Akauntabiliti awam (public accountability)**

Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan ditetapkan

**b) Diuruskan secara telus (transparent)**

Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan ditetapkan.

**c) Nilai faedah terbaik (best value for money)**

Pengurusan perolehan hendaklah memberikan pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

**d) Saingan terbuka (open & fair competition)**

Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.

**e) Adil dan saksama (fair dealing)**

Sesuatu perolehan itu dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

#### 4.2. Integrity Pact

Selaras dengan usaha kerajaan dan universiti untuk mencegah rasuah dalam perolehan kerajaan Pekeliling Bendahari Bil.4/2011 (Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact dalam perolehan universiti) hendaklah dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya.

### 5. PENURUNAN KUASA

- 5.1. Kakitangan yang layak adalah terdiri dari pegawai gred 41 dan keatas yang berjawatan tetap seperti Penolong Pendaftar, Pegawai Sains dan Pegawai penyelidik. Bilangan kakitangan adalah bergantung kepada keperluan setiap PTJ.
- 5.2. PTJ diminta merancang keperluan dan kesesuaian kakitangan bagi maksud mengeluarkan pesanan rasmi di PTJ dan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bendahari.
- 5.3. Kakitangan yang diberi kuasa hendaklah memastikan semua Pesanan Rasmi yang dikeluarkan adalah mengikut peraturan kewangan universiti yang diterima pakai dari masa ke semasa.
- 5.4. Tindakan tatatertib dan surcaj boleh diambil ke atas pegawai sekiranya tidak mengikut peraturan atau menyalahgunakan kemudahan ini.
- 5.5. Universiti boleh membatalkan penurunan kuasa ini kepada mana-mana PTJ/Kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan.

Sukacita kiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y. Bhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang Benar,

  
**MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
  - Pendaftar, UKM